



NOTIS MAKLUMAN

PELAKSANAAN MEWAJIBKAN PENGGUNAAN PEGUAM BERDAFTAR LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) DALAM URUSAN PERJANJIAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN LPPSA

Berkuatkuasa **1 Julai 2018**, pemohon pembiayaan perumahan sektor awam diwajibkan menggunakan Peguam Berdaftar LPPSA bagi urusan transaksi perjanjian pinjaman/pembiayaan LPPSA sahaja. Walau bagaimanapun, pemohon adalah bebas untuk memilih mana-mana peguam bagi urusan Perjanjian Jual Beli (*Sales and Purchase Agreement (SPA)*).

Bagi pemohon yang telah berurusan atau telah melantik selain daripada Peguam Berdaftar LPPSA sebelum daripada 1 Julai 2018:

- i. Pemohon masih boleh mengemukakan permohonan kepada LPPSA secara atas talian (*online*) pada/sebelum 31 Julai 2018. Selepas daripada tarikh tersebut, semua permohonan pinjaman/pembiayaan LPPSA diwajibkan menggunakan Peguam Berdaftar LPPSA sahaja.
- ii. Peguam tersebut dibenarkan untuk meneruskan perkhidmatannya sehingga semua proses urusan transaksi perjanjian pinjaman/pembiayaan LPPSA selesai.

Senarai Peguam Berdaftar LPPSA boleh diakses melalui [pautan ini](#).

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pemohon boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/pertanyaan rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my.

27 Jun 2018